

MAHATHIR - SUHARTO

I

KUALA LUMPUR, 4 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENJANGKA AKAN WUJUD SATU +SEGI TIGA EMAS+ DI ZON PEMBANGUNAN BERSAMA YANG DICADANGKAN ANTARA JOHOR, SINGAPURA DAN PULAU BATAM DI INDONESIA.

BELIAU BERKATA PENGGALAKAN PELANCONGAN DI KAWASAN ITU MERUPAKAN SALAH SATU ISU YANG DIBINCANGKAN DALAM PERTEMUAN, 90 MINIT BELIAU DENGAN PRESIDEN SUHARTO DARI INDONESIA DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENGADAKAN PERTEMUAN +EMPAT MATA+ DENGAN PRESIDEN SUHARTO YANG DIKUTI DENGAN PERBINCANGAN SEJAM ANTARA PERWAKILAN KEDUA-DUA BELAH PIHAK. PRESIDEN SUHARTO BERADA DI SINI BAGI MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCIAK G-15 YANG BERAKHIR SEMALAM.

PERDANA MENTERI BERKATA MEREKA BERSETUJU KONSEP SEGI TIGA ITU AKAN MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN DI KETIGA-TIGA NEGARA TERUTAMA DALAM BIDANG PERLANCONGAN.

+KITA BOLEH MENDAPAT MANFAAT DARIPADA KEMAKMURAN DAN KUASA MEMBELI SINGAPURA DAN KESAN LIMPAPAN PELANCONGNYA,+ KATA BELIAU PADA PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI SELEPAS SELEPAS PERTEMUAN ITU. -- LAGI.
1451MST 04 06 90

D648

U B071 AAB

MAHATHIR - SUHARTO 2 KUALA LUMPUR

KATANYA, SINGAPURA JUGA AKAN MENDAPAT MANFAAT DARIPADA INI KERANA PERANGKAIAN MENUNJUKKAN KEBANYAKAN PELANCONG BUKAN SAHAJA MELAWAT SINGAPURA TETAPI JUGA MEMPUNYAI RANCANGAN MELAWAT NEGARA JIRAN.

TIMBALAN PERTAMA PERDANA MENTERI SINGAPURA GOH CHOK TONG MENCADANGKAN KONSEP ITU PADA BULAN JANUARI BAGI MEMAJUKAN KAWASAN ITU MENJADI SATU ZON EKONOMI PADA TAHUN 1990-AN.

KATANYA, BATAM YANG TERLETAK 20KM DARI SINGAPURA DAN JOHOR BOLEH MENYEDIAKAN TANAH, GAS DAN AIR KEPADA INDUSTRI MANAKALA SINGAPURA MENYUMBANGKAN KEPAKARAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA BELIAU DAN PRESIDEN SUHARTO JUGA MEMBINCANGKAN RANCANGAN INDONESIA MEMBEKAL AIR KEPADA SINGAPURA DARI PULAU BATAM DAN MENAMBAH KATA, INI TIDAK AKAN MEMBERI KESAN KEPADA BEKALAN BIASA AIR DARI JOHOR KE SINGAPURA.

KETIKA DITANYA SAMA ADA ZON SEGI TIGA ITU MENJADI SATU BENTUK LEMBAGA PEMBANGUNAN BERSAMA SEPERTI YANG DIPERSETUJUI BARU-BARU INI ANTARA MALAYSIA DAN THAILAND, BELIAU BERKATA: +KERAJAAN JOHOR ADA BERCAKAP MENGENAINYA... KAMI BERHARAP SESUATU AKAN WUJUD+. -- LAGI.
1523MST 04 06 90

U B073 AAB

MAHATHIR - SUHARTO 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA BAHAWA MALAYSIA AKAN MEMBANTU MENGGALAKKAN TAHUN MELAWAT INDONESIA TAHUN DEPAN DENGAN MENDORONG LEBIH BANYAK LAWATAN KE REPUBLIK ITU.

BAGI TUJUAN ITU, KATA BELIAU, MALAYSIA MERASAKAN LEBIH BANYAK PENERBANGAN PERLU DIADAKAN ANTARA KUALA LUMPUR DAN JAKARTA.

+MALAYSIA AKAN MEMBANTU PROGRAM MEREKA DAN MEREKA JUGA AKAN BERBUAT DEMIKIAN BAGI TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990,+ KATANYA. MALAYSIA DAN INDONESIA TELAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PADA FEBRUARI BAGI MENGGALAKKAN PELANCONGAN BERSAMA.

ISU LAIN YANG DIBINCANGKAN HARI INI TERMASUK PERKARA ANTARABANGSA DAN DUA HALA SEPERTI KERJASAMA SELATAN-SELATAN DAN GARIS SEMPADAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA DI KALIMANTAN DAN SELAT MELAKA.

KATANYA INDONESIA DAN MALAYSIA, YANG MENGEKSORT SUMBER ASLI SEPERTI KOKO, MINYAK SAWIT DAN PETROLEUM, JUGA BERSETUJU BERTUKAR-TUKAR MAKLUMAT MENGENAI STRATEGI PEMASARAN BAGI KOMODITI-KOMODITI ITU. -- LAGI.

D664

U B084 DEB
MAHATHIR - SUHARTO 4 KUALA LUMPUR

KETIKA MENJAWAB SOALAN, DATUK SERI DR MAHATHIR MENAFIKAN KONONNYA MALAYSIA DAN INDONESIA, BERLAWAN MERENDAHKAN HARGA MINYAK SAWIT MEREKA UNTUK EKSPORT.

+PASARAN SANGAT BESAR TETAPI YANG LEBIH PENTING IALAH KITA TIDAK BERSAING SEHINGGA KE PERINGKAT YANG MEMBAWA KEPADA KEROSAKAN DIRI SENDIRI,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA PASARAN MINYAK MAKAN DIANGGARKAN SEKITAR 90 JUTA TAN METRIK MENJELANG TAHUN 2000 DAN INDONESIA MUNGKIN MENGATASI MALAYSIA SEBAGAI PENGELUAR UTAMA MINYAK SAWIT PADA MASA ITU.

KATANYA HARGA MINYAK SAWIT INDONESIA KINI RENDAH KERANA SEBAHAGIAN BESAR DARIPADANYA DIGUNAKAN DALAM NEGERI DAN TIDAK UNTUK EKSPORT.

KEPADA SOALAN LAIN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA ISU ORANG HANYUT VIETNAM TIDAK DITIMBULKAN DALAM PERTEMUANNYA DENGAN PRESIDEN SUHARTO. +SAYA TIDAK FIKIR IA SATU MASALAH BESAR.+ -- LAGI.
1555MST 04 06 90

D665

U B085 DEB
MAHATHIR - SUHARTO 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENAFIKAN YANG MALAYSIA MENGUSIR ORANG VIETNAM. +MEMANGLAH KAMI SEDANG MEMUJUK MEREKA SUPAYA KELUAR... SUPAYA BALIK KE TANAH AIR MEREKA. KAMI TIDAK MENGUSIR ORANG.+

BELIAU MENYIFATKAN +SANGAT PELIK+ TINDAKAN PIHAK-PIHAK YANG MENUDUH KONONNYA MALAYSIA MENGUSIR ORANG HANYUT YANG DATANG KE NEGARA INI.

PESURUHJAYA TINGGI PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU BAGI ORANG PELARIAN DAN BEBERAPA BUAH NEGARA BARAT TELAH MENUDUH KONONNYA MALAYSIA MENGUSIR ORANG HANYUT YANG KEMUDIANNYA TIBA DI PULAU GALANG, INDONESIA.

+ORANG YANG MENUDUH KITA MENGUSIR ORANG PELARIAN ITU SENDIRI YANG MENGUSIR PELARIAN YANG MEMASUKI NEGARA MEREKA. MEREKALAH YANG MENGUSIR ORANG PELARIAN ITU KE LAUT ATAU MENYEBERANGI SUNGAI.+

+JADI MENGAPA INI DIANGGAP SESUATU YANG SANGAT GANJIL,+ KATANYA.
+KAMI TIDAK MEMBUNUH ORANG.+ -- BERNAMA.
1557MST 04 06 90